



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 SEPTEMBER 2017 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Chinapress

- Ampang Jaya sasar penurunan 30% rendah karbon menjelang 2030

C2

Harian Metro

- MPAJ sasar Ampang Jaya rendah karbon pada 2030

43

Utusan Malaysia

- PATI:PBT, agensi diminta bantu imigresen
- Batal lesen niaga

29

30



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 SEPTEMBER 2017 (RABU)

Akhbar	Chinapress
Tajuk Berita	Ampang Jaya sasar penurunan 30% rendah karbon menjelang 2030
Muka Surat	C2



■阿都哈密用木棒敲击垃圾桶做成的环保鼓，为“安邦再也市议会2030年低碳城市规划”完成推介。

安邦再也市議會推動

擬2030年降30%碳量

(安邦19日讯)安邦再也市议会推出“安邦再也市议会2030年低碳城市规划”，计划于2030年将市内的碳量降低30%。

安邦再也市议会主席阿都哈密指出，为了达到上述目标，市议会将会推动一连串的计划，惟需州政府、地方政府、发展商及各阶层人士配合。

他说，其中一个即将落实的新措施为兴建绿色建筑社区，已有多个国家透过此计划减少碳生产量，改善全球变暖的迹象及营造更好的生活环境。

“我们也计划重新研究市内的人行道及机动车辆车道，希望更多的市民已走路和骑脚踏车，取代释放高碳量的摩

托。”

他说，市议会也计划兴建更多的绿色植物、推动3R活动，即减少用水、再循环雨水及废水。

“我们也会尽可能把所有的电灯转换为LED灯，达到节能减碳的效果。”

他说，希望各界人士能够给予配合，让低碳城市的计划能成功完成。

他今在出席“安邦再也市议会2030年低碳城市规划”推介礼时，这么指出。

现场也举办一场对话会，邀请各社区代表及市民出席，和市议会官员直接对话，以针对城市低碳计划进行讨论。



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 SEPTEMBER 2017 (RABU)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	MPAJ sasar Ampang Jaya rendah karbon pada 2030
Muka Surat	43

Ampang Jaya *Am 30/9/17 145 43*

MPAJ sasar Ampang Jaya rendah karbon pada 2030

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), menyediakan Pelan Tindakan Ampang Jaya Bandar Rendah karbon 2030 yang menyasarkan penurunan karbon sebanyak 30 peratus menjelang 2030.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, pelbagai inisiatif harus dilaksanakan dengan

segera dalam menjayakan hasrat itu.

“Salah satu langkah yang boleh diambil adalah melalui pembangunan kejiranan hijau.

“Ia adalah salah satu konsep perancangan guna tanah yang penting dalam pembangunan hijau yang menjadi asas kepada pertumbuhan hijau,”

katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Pelaksanaan pembangunan kejiranan hijau yang sudah dilaksanakan di beberapa negara jelas berjaya mengurangkan penggunaan karbon dan kesan pulau haba, sekali gus mewujudkan kualiti persekitaran hidup.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 SEPTEMBER 2017 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	PATI:PBT, agensi diminta bantu imigresen
Muka Surat	29

PATI: PBT, agensi diminta bantu imigresen

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 19 SEPT.

JABATAN Imigresen meminta semua agensi berwajib terutamanya pihak berkuasa tempatan (PBT) tampil membantu pihaknya memerangi masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) kerana ketika ini sokongan daripada agensi terbabit didapati amat lesu.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Seri Mustafar Ali berkata, kurangnya sokongan daripada agensi berkenaan mengakibatkan usaha memerangi PATI menjadi sulit sedangkan jika semua pihak bekerjasama segala tindakan menjadi lebih lancar.

Menurutnya, ini berikutan kerjasama semua pihak sama ada semasa atau selepas operasi akan melicinkan lagi segala proses kerana setiap

agensi mempunyai had kuasa tertentu dengan Jabatan Imigresen hanya berkuasa mentadbir urus soal pendatang asing sahaja.

“Contohnya, sekiranya ternampak lambakan PATI di sekitar kawasan, soalan pertama diajukan orang awam adalah di mana imigresen? Sedangkan agensi lain seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) mempunyai kuasa membuat pemotongan bekalan elektrik dan PBT pula mempunyai kuasa untuk merobohkan premis haram yang dibina.

“Kita melakukan operasi tangkap terhadap PATI setiap hari berikutnya mahu memutuskan rantai kesalahan, tetapi tidak mampu melukukannya tanpa kerjasama semua pihak. Itu ini tidak akan selesai sekiranya pihak berkaitan tidak melakukan tindakan susulan yang sewajarnya,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Op Ikrar di tiga

lokasi menempatkan rumah kongsi di kawasan perindustrian Kampung Baru Subang di sini, pagi ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Kawalan) Datuk Shahril Ismail dan Pengarah Imigresen Selangor, Omran Omar.

Terdahulu, operasi tiga jam bermula 12.45 pagi dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) itu, sebanyak 117 individu ditahan membabitkan 94 warga Indonesia, 22 Bangladesh dan seorang Myanmar.

Dalam perkembangan berasingan, mengulas mengenai Enforcement Card (E-Kad), Mustafar berkata, sejak ini pihaknya telah menahan lebih 13,000 individu dalam Op Mega Jabatan Imigresen.

“Selepas tamat tempoh permohonan E-Kad sejak 30 Jun lalu, kita melihat jumlah penangkapan PATI mencatat peningkatan yang biasanya setiap tahun seramai 10,000 individu ditahan,” ujarnya.



MUSTAFAR ALI (kanan) memeriksa dokumen milik PATI yang ditahan dalam Op Ikrar oleh Jabatan Imigresen Selangor di sebuah rumah kongsi tapak pembinaan kawasan perindustrian Kampung Melayu Subang dekat Shah Alam, Selangor, awal pagi semalam.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
20 SEPTEMBER 2017 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Batal lesen niaga
Muka Surat	30



Pengusaha makanan ingkar larangan guna polisterina

Batal lesen niaga

Oleh AMIRUL AIMAN ANUAR
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 19 SEPT.

KERAJAAN tidak akan berkompromi dalam pelaksanaan larangan polisterina dan plastik terhadap pengusaha makanan di ibu negara yang mula berkuat kuasa pada awal September ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, pihaknya akan mengambil tindakan tegas dengan mengeluarkan notis amaran dan kompaun hingga ke tindakan membatalkan lesen perniagaan mereka yang ingkar.

Katanya, kesemua pengusaha makanan baik penjaja maupun peniaga sedia maklum berhubung pelaksanaannya dan kegagalan mematuhi boleh dikompaun mak-

simum RM2,000 setelah tempoh persediaan sejak akhir bulan lalu berakhir.

"Pemantauan dan pemeriksaan terus dipergiatkan sepanjang bulan ini. Masa diberi su dah terlalu lama.

"Kementerian juga telah berbincang dengan pihak pembekal produk pembungkusan berdasarkan bahan biodegradasi supaya menjual pada harga borong, sepatutnya tiada lagi alasan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Program Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) 2017 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)-Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini.

Yang turut hadir, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Mhd. Amin Nordin Abd. Aziz.

Terdahulu beliau turut melepaskan peserta Kembara Jelajah Anti Rasuah (Kejar) yang berlangsung hingga 30 September ini.

Dalam perkembangan lain, Tengku Adnan berkata, DBKL juga sedang meneliti kesesuaian membenarkan perkhidmatan aplikasi pintar sewa dan tunggang basikal yang diperkenalkan sebagai syarikat swasta.

"Kami sedang lihat pelan perniagaannya dan pastikan ia betul-betul selamat kepada pengguna dan tiada unsur merugikan dari segi sistem bayaran dan perkhidmatannya kelak."

"Pada masa sama DBKL juga sedang mengkaji untuk menambah infrastruktur diperlukan seperti laluan berbasikal baharu bagi menggalakkan gaya hidup sihat kalangan warga kota," katanya.